



YB TUAN Dr. CHONG FAT FULL

AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN
NEGERI JOHOR

Ruj Kami : JPPHEP.NJ/2020/02/SK/Cvd(40)
Tarikh : 02 Julai 2020

Selamat Sejahtera dan Salam Perpaduan

Rujuk Lampiran Edaran

Tuan/Puan,

PEMAKLUMAN PEMBUKAAN RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)

Adalah dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat kelulusan daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor (Pengurusan) rujukan SUKJ.BKP (R)100-6/5/3 (9) bertarikh 1 Julai 2020 adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa, **pembukaan rumah ibadat bukan Islam di Negeri Johor berkuatkuasa pada 1 Julai 2020** selaras dengan surat kelulusan yang dinyatakan di atas. Persetujuan pembukaan Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) dalam tempoh PKPP ini hendaklah dilaksanakan seperti berikut:

- i. Menggunakan Prosedur Operasai Standard (SOP) yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).
- ii. Warga emas yang sihat, tidak bergejala dan tidak menghidap penyakit kronik dibenarkan hadir ke rumah ibadat bukan Islam.
- iii. Kanak-kanak di bawah umur 12 tahun TIDAK DIGALAKKAN hadir ke rumah ibadat bukan Islam.
- iv. Bukan warganegara tidak dibenarkan hadir ke rumah ibadat bukan Islam **KECUALI** ahli jawatankuasa dan petugas.
- v. Operasi rumah ibadat bukan Islam adalah **sehingga pukul 10 malam sahaja**.




- vi. **Pembukaan rumah ibadat bukan Islam hendaklah dimaklumkan kepada Pejabat Daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan** masing-masing sebelum beroperasi supaya pemantauan dapat dilaksanakan oleh Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional (JPNIN) Negeri Johor bersama agensi penguatkuasa yang berkenaan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Negeri Johor.
- vii. Jawatankuasa **rumah ibadat bukan Islam yang tidak berdaftar hendaklah menandatangani akuan** untuk mematuhi SOP yang ditetapkan. (*Rujuk Lampiran Surat Akuan*)
3. Justeru, semua pihak yang terlibat dengan pembukaan rumah ibadat bukan Islam hendaklah mematuhi arahan-arahan ini. Semoga perkara ini berada dalam perhatian dan tindakan Tuan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan tugas



DR CHONG FAT FULL
Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan,
Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Johor